

Newspaper	Utusan Melayu
Date	12/08/2017B

Pemuda UMNO Kedah gesa sjasat anak Dr. M

Um - 12/8/2017 Pg. 8

KUALA LUMPUR 11 Ogos - Pemuda UMNO Kedah menggesa agar pihak berkuasa membuka kertas siasatan khas bagi menyiasat sekiranya wujud salah laku korporat syarikat-syarikat milik anak-anak bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Ketua Pemuda UMNO Kedah, Datuk Shaiful Hazizy Zainol Abidin berkata, kekayaan 'luar biasa' anak-anak Dr. Mahathir perlu dibongkar kerana mereka sudah lama dilindungi oleh kuasa-kuasa tertentu.

"Kita masih ingat ketika Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi memegang jawatan seba-

gai Ketua Pemuda UMNO, membuat ucapan dasar dalam Persidangan Pemuda UMNO mendedahkan amalan 'Nepotisme dan Kronisme', Dr. Mahathir terus mengaktifkan 'mod serangan' dalam ucapan dasar beliau keesokan harinya.

"Tindakan ini membuktikan bahawa beliau sentiasa ingin melindungi kemungkinan salah laku korporat anak-anak-



SHAIFUL HAZIZY

nya," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambah Shaiful Hazizy, Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu juga dinasihatkan supaya bersikap berlapang dada dan tidak melatah apabila beberapa syarikat milik anak beliau disiasat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Katanya, beliau yakin dan percaya pihak berkuasa menjalankan

tugas dengan telus dan penuh profesional tanpa mengambil kira sentimen tertentu.

"Pemuda UMNO Kedah ingin memperingatkan Dr. Mahathir bahawa pentadbiran dan operasi agensi ataupun badan kerajaan bukannya seperti dahulu iaitu zaman beliau menjadi Perdana Menteri yang mentadbir secara 'kuku besi', tetapi kini kita menjalankan proses transformasi untuk lebih profesional dan telus.

"Anak-anak beliau kini tidak lagi berada dalam 'sangkar emas'. Jadi, kami memohon agar pihak berkuasa terus menjalankan tugas mereka tanpa ketakutan dan tekanan," katanya.